Bingkisan CaRE

ISU APRIL 2015

Pengarah
Prof. Dr. Latiffah A. Latiff

Timbalan Pengarah
Prof. Madya Dr. Andi Anggeriana Andi Asri

Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE)
Aras 7, Blok Makmal A,
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,
Universiti Putra Malaysia,
43400, Serdang, Selangor

Tel:
03-89471011
Talian bebas tol:
1-800-22-2233
www.care.upm.edu.my
: CaRE UPM

Hulurkan bantuan, ringankan beban

Lawatan ke wad 7B, Hospital Serdang pada hujung bulan Februari telah menemukan Prof. Dr. Latiffah Ab. Latiff, Pengarah Pusat Sumber & Pendidikan Kanser (CaRE) dengan seorang pesakit kanser payudara yang mempunyai cerita yang cukup menyentuh hati. Pn Badilah Abu Bakar telah didiagnos menghidap kanser payudara tahap 3 sejak tahun 2013. Beliau merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai 6 orang anak dan 5 daripadanya masih dalam pengajian. Setelah disahkan menghidap kanser, beliau telah berhenti kerja dan bergantung hidup dengan bantuan dari Pusat Zakat Selangor termasuklah bayaran sewa rumah. Bekas suami juga telah mengabaikan nafkah anak-anak mereka sejak berpisah 2 tahun yang lalu.

Mengetahui dirinya tidak dapat menjaga anak-anak pada masa akan datang, beliau amat risau akan keselamatan dan kebajikan anak-anaknya. Keluarga ada yang membantu tetapi Pn Badilah tidak mahu menyusahkan keluarga. Sebelum ini, urusan berkaitan zakat dan sebagainya diuruskan sendiri oleh beliau. Penghujung Mac, dimaklumkan bahawa kanser payudara Pn. Badilah telah meningkat ke tahap 4 dan beliau sendiri telah maklum bahawa masanya bersama anak-anak akan jadi lebih singkat. Sesi kaunseling telah dijalankan oleh Prof. Dr. Latiffah sendiri kepada ahli keluarga beliau. Pihak CaRE dimaklumkan bahawa beliau berada dalam keadaan koma akibat terjatuh di dalam bilik air dan kepala terhantuk kepada permukaan keras. Terkini, setelah beberapa hari dalam keadaan koma, Pn. Badilah telah menghembuskan nafas terakhirnya pada hari Khamis bersamaan 2 April 2015, jam 9.43 malam.

Pihak CaRE amat bersimpati kepada keluarga Pn Badilah serta anak-anak beliau. Sumbangan berbentuk wang tunai yang diperolehi dari dana Tabung Kanser CaRE, Masjid UPM dan bahan bacaan tentang kanser sempat diserahkan oleh Prof Dr. Latiffah kepada Pn. Badilah semasa hayatnya. CaRE berharap agar lebih ramai pihak sudi membantu keluarga Pn. Badilah terutama anak-anakya tidak kira sama ada bantuan kewangan, barang keperluan atau sebagainya. Untuk maklumat lanjut / sumbangan, sila hubungi Cik Najwa, wakil keluarga Pn Badilah di talian bebas tol **1-800-22-2233**.

Untuk menderma kepada pesakit-pesakit kanser , sumbangan boleh diberikan melalui akaun BENDAHARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (8002151963—CIMB)

BUKU TERBITAN CaRE

Sinopsis

Buku ini mengandungi koleksi kisah pesakit kanser yang positif dan tabah dalam meneruskan kehidupan mereka sebagai penghidap kanser. Ada di antara mereka yang telah melalui kesakitan dan kesusahan semasa menjalani rawatan, penjagaan, kekangan kewangan, dan ketidakseimbangan emosi setelah didiagnos dengan kanser. Kisah-kisah mereka mampu dijadikan panduan dan pembakar semangat untuk terus menghadapi cabaran mendatang. Sesungguhnya keredhaan dalam menerima dugaan sebagai satu 'anugerah' dalam hidup ternyata berjaya menyinari kehidupan wira-wirawati kanser ini.

Jika berminat untuk mendapatkan bahan terbitan ini, sila hubungi ***TALIAN KANHELPLINE*** *:* ***1800222233***

AKTIVITI SEMASA CaRE

Bil.	Tarikh	Program	Tempat
1	7/4/2015	Program pendidikan dan kesedaran kanser	Hospital Ampang dan Sapura Kencana
2	16/4/2015	Ceramah bulanan: Kanser Darah	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM
3	21/4/2015	Majlis Penyerahan buku	Kelab Golf, UPM
4	30/4/2015	Ceramah motivasi: Bercinta hingga Syurga	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM

AKTIVITI CaRE AKAN DATANG

Bil.	Tarikh	Program	Tempat
1	15/5/2015	Pementasan teater berkisarkan Kanser	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
2	20/5/2015	ESQ – HIKMAH SEBUAH KEHIDUPAN #berjayaduniadanakhirat	Fakulti Veterinar

AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

Kanser Wanita disampaikan oleh Dr. Andi Anggeriana

CaRE di MEDIA

Majalah I-sihat, April 2015

TAZKIRAH

Hadis Kesihatan

Daripada Usamah bin Syarik r.a., dia berkata, "Saya datang kepada Nabi SAW ketika para sahabat berada di sisi baginda. Kemudian saya mengucapkan salam dan duduk. Setelah itu datanglah orang-orang Arab dan bertanya kepada baginda, "Wahai Rasulullah, haruskah kami berubat?" Baginda menjawab, "Ya, kerana tidaklah Allah menurunkan penyakit, melainkan menurunkan juga ubatnya, kecuali untuk satu penyakit, iaitu tua (nyanyuk)." (Hadis Riwayat Ahmad)

Dipetik daripada Al-Hambra: Tafsir Ringkas Ayat-ayat Pilihan (2014)